isentia

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Harian Metro, Malaysia
18 Nov 2015, by

Business & Finance, page 42 - 108.00 cm²
Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 403,640 (MTWTFS)

ID 499188820 BRIEF FELDA INDEX 1

Tingkat keupayaan pengeluaran gula

Penambahbaikan dan pembinaan kilang penapisan gula di Tanjung Langsat, Johor mampu meningkatkan lagi produktiviti pengeluaran, seterusnya membantu memacu serta meneroka pasaran luar.

Ketua Pegawai Operasi MSM Malaysia Holdings Berhad Jason P Hendroff berkata, pengubahsuaian kilang penapisan gula di Seberang Prai, Pulau Pinang dan penambahbaikan stor simpanan di Sungai Buloh, Selangor dengan kos RM100 juta mampu meningkatkan keupayaan pengeluaran lebih cekap dan sistematik.

Malah beliau berkata, pembinaan kilang penapis gula di Johor pula dapat memperluaskan lagi pasaran ke Singapura selain meneroka pasaran baru di negara Asia Timur.

"Setakat ini kami sudah memasarkan produk di lebih 10 negara antaranya Korea Selatan, Australia, New Zealand dan Jepun. Kami optimis produk yang diekspor akan meningkat sekurang-kurangnya 15 peratus bermula 2017 menerusi penambahbaikan yang dilakukan ini.

JASON

"Setakat ini, kami mengeluarkan 1.25 juta tan metrik gula setahun iaitu kira-kira 8,000 tan metrik sehari dengan kilang penapisan gula di Seberang Prai menjadi pusat pengeluaran utama," katanya dalam sidang media selepas lawatan media ke Pusat Penapisan Gula Seberang Prai, semalam.

Jason berkata, pihaknya juga komited untuk meneroka pasaran baru terutama di Asia Timur yang dilihat mempunyai potensi besar dalam meningkatkan lagi kebolehpasaran produk, seterusnya memacu keuntungan syarikat.